

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/98

September 1997

AMP344 - PENGIKLANAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja. Soalan 1 adalah **(WAJIB)** dan pilih **DUA (2)** soalan lain.

1. GEMPAQ SELALU SDN. BHD. sebuah syarikat muzik untuk lagu-lagu 'rock' dan 'heavymetal' sedang melihat bahawa peminat muzik tersebut sedang meningkat dengan hebat. Minat ini mungkin timbul dari generasi muda yang mencari ruang untuk melepaskan tekanan hidup yang terlampaui dikawal. Encik Mohamed Rocky merasa beliau perlu merancang satu percantuman strategi pemasaran dan pengiklanan bagi mengambil peluang terhadap minat yang sedang tinggi. Encik Mohamed Rocky telah menemui pelajar-pelajar pemasaran dari USM yang terkenal dengan kerja-kerja pemasaran dan pengiklanan. Beliau meminta bantuan pelajar-pelajar ini agar dapat memberi nasihat bagaimana untuk merancang satu strategi yang bersepadau melibatkan pemasaran dan pengiklanan. Bentangkan strategi anda untuk:
 - (a) Mengkaji untuk memahami segmen pasaran yang telah muncul serta mencari mesej yang tepat dan sesuai.

[10 markah]
 - (b) Meningkatkan minat pasaran terhadap muzik keluaran syarikat GEMPAQ.

[10 markah]
 - (c) Membina trafik kepada kedai-kedai muzik dan membeli CD keluaran syarikat GEMPAQ.

[10 markah]

...2/-

- (d) Membentuk Slogan untuk dijadikan sebutan peminat-peminat muzik 'rock' dan 'heavymetal'.

[10 markah]

- (e) Rekabentukan papan tanda luaran yang inovatif.

[10 markah]

- (f) Perancangan kempen promosi jualan untuk satu tahun.

[10 markah]

Pilih dan jawab DUA (2) soalan.

2. Bincangkan bagaimana penggunaan analisis psikografik dapat membantu pengiklan dalam membentuk strategi pengiklanan dan promosi jualan. Gunakan contoh dalam jawapan anda.

[20 markah]

3. Pengguna sekarang selalunya tidak mempunyai masa untuk memberi perhatian sepenuhnya kepada iklan-iklan. Bincangkan kaedah-kaedah yang sesuai untuk mencari keseimbangan mesej dan media yang tepat untuk pengguna-pengguna ini. Gunakan contoh-contoh dalam jawapan anda.

[20 markah]

4. Bincangkan bagaimana Spiral Pengiklanan boleh digunakan dalam pembangunan sesuatu jenama produk. Gunakan contoh-contoh bagi setiap peringkat spiral.

[20 markah]

---ooo0000ooo---